

# 910 pelajar baharu USIM mendaftar

**U**NIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) baru-baru menerima pelajar baharu pra-universiti seramai 910 orang yang mendaftar di Pusat Tamhidi USIM bagi sesi pengambilan akademik 2015/2016.

Pendaftaran yang bermula jam 9.00 pagi hingga 3.00 petang bertempat di Dewan Besar USIM berjalan lancar dengan beberapa kaunter khas disediakan oleh Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Bendahari, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Pusat Teknologi Maklumat bagi memudahkan pelajar.

Sesi pendaftaran itu turut dihadiri, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Dzulkiple Abd. Ghani.

Permohonan melanjutkan pengajian diperingkat Tamhidi USIM atau Matrikulasi Asasi pada tahun ini menampakkan peningkatan yang baik apabila sebanyak 23,907 permohonan diterima dengan 2,407 permohonan memilih USIM sebagai pilihan pertama.

Jumlah ini melebihi tempat yang disediakan iaitu 1100 tempat.

USIM yang mula menawarkan pengajian pra-universiti kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melalui penubuhan Pusat Tamhidi pada 2004 menawarkan lima program pengajian iaitu



**DR. DZULKIPLE ABD. GHANI (dua dari kanan) beramah mesra dengan pelajar baharu pra-universiti yang mendaftar di Pusat Tamhidi USIM bagi sesi pengambilan akademik 2015/2016 baru-baru ini.**

Tamhidi Syariah dan Undang-undang; Tamhidi Sains dan Teknologi; Tamhidi Perubatan; Tamhidi Pergigian dan Tamhidi Perakaunan sebagai pilihan.

Sebagai contoh, bagi program Tamhidi Syariah dan Undang-undang sebanyak 718 permohonan sebagai pilihan pertama diterima walaupun kuota disediakan hanya 200 pelajar.

Sementara itu, Bekas pelajar Sekolah Agama Sultan Mohamad Batu Berendam, Melaka. Muhamad Hafizuddin Hazaraimi, 18, berkata, beliau teruja apabila berjaya melanjutkan pengajian ke program Tamhidi Sains dan Teknologi dan akan belajar bersungguh-sungguh untuk mengejar cita-cita sebagai doktor perubatan.

Bagi Aimi Afiqah Binti Sulaiman, 18, yang juga merupakan bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sharifah Rodziah Melaka melahirkan rasa yang amat gembira terpilih menjadi pelajar USIM.

"Saya melanjutkan pengajian ke program Tamhidi Perakaunan dan Muamalat. Saya ingin menjadi seorang akauntan dalam masa yang sama ingin belajar dan meningkatkan ilmu agama kerana USIM merupakan universiti Naqli dan Aqli," katanya.

Para pelajar Tamhidi yang mula mendaftar mengikuti program Taaruf yang diurusetiaikan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar selama dua hari bermula hari ini hingga Rabu.

Pengisian utama program ini nanti ialah Majlis Lafaz Ikrar Pelajar Baharu Tamhidi bersama Menteri Besar Negeri Sembilan merangkap Menteri Mentor USIM, Yang Amat Berhormat, Datuk Seri Utama Mohamad Hasan.

Pelajar yang ingin memohon kemasukan ke Tamhidi USIM wajib mengambil mata pelajaran Bahasa Arab/Bahasa Arab Tinggi./Bahasa Arab Komunikasi dan dua mata pelajaran Pendidikan Islam diperingkat SPM.

Rayuan kemasukan ke program Tamhidi USIM boleh dibuat pada 16 Jun ini.